



**TEKS UCAPAN  
YANG BERHORMAT DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK MENAIKTARAF JALAN  
PERSEKUTUAN FT237 (DARI *EXIT* CHUKAI LPT 2 KE FT003,  
KEMAMAN, TERENGGANU) DAN PENYERAHAN SIJIL  
KONTRAKTOR PENYIAP**

**PADA 20 JULAI 2023**

**Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI,**

1. Saya ingin memanjatkan kesyukuran kerana pada hari ini kita diberikan kesejahteraan dan kesempatan untuk bersama-sama menghadiri **Majlis Penyerahan Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT237 Dari Persimpangan Chukai Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) ke Jalan Persekutuan FT003, Kemaman, Terengganu dan Penyerahan Sijil Kontraktor Penyiap bagi Negeri Terengganu Darul Iman.**

2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR Malaysia), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), pihak urus setia, dan seluruh pasukan projek yang terlibat kerana mengundang saya untuk menyempurnakan majlis pada hari ini. Tidak lupa juga kepada tetamu yang hadir dari pelbagai agensi kerajaan, pihak Kontraktor Utama dan rakan-rakan media.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

3. Seperti semua sedia maklum, Kemaman sering dilanda musibah banjir besar terutama pada musim tengkujuh yang mengakibatkan terputus hubungan dan kerosakan jalan dan harta benda awam. Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menerima permohonan dari Kerajaan Negeri Terengganu untuk menaik taraf dan meninggikan aras bagi jalan FT237 ini untuk

mengurangkan kesan dari musibah banjir tersebut selain menyediakan infrastruktur awam yang selesa dan selamat untuk digunakan oleh pengguna jalan raya khususnya rakyat di negeri Terengganu.

4. Untuk makluman, saya telah mengadakan lawatan ke Projek Menaik taraf/Meninggikan Aras Jalan Chukai ke Air Putih, Sungai Pinang, Fasa 2: Segmen 4 dan 5 sebentar tadi dan telah diberikan taklimat oleh Cawangan Jalan, Jabatan Kerja Raya berkenaan status kemajuan projek tersebut. Projek ini telah diluluskan dengan kos kontrak sebanyak RM 42.5 juta dan telah mula dilaksanakan pada 1 Mac 2018 dan dijangka siap pada 3 September 2023.

Para hadirin sekalian,

5. Projek yang akan diserahkan pada hari ini ialah Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT237 Dari *Exit* Tol Chukai ke FT003, Kemaman, Terengganu. Kementerian Kerja Raya (KKR) selaku Kementerian yang bertanggungjawab dalam membangunkan infrastruktur awam sentiasa memberikan komitmen yang terbaik dalam membangunkan infrastruktur berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan semasa negara terutama sekali kepada rakyat di sekitar Kemaman, Terengganu.

6. Untuk makluman, Projek ini telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan pada *Rolling Plan* 1, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP1,

RMKe-11) dengan kos projek berjumlah RM193.4 juta. Projek ini telah mula dibina pada 2 Mei 2017 dan telah siap sepenuhnya pada 13 April 2023 dengan kos keseluruhan sebanyak RM192.8 juta.

7. Projek ini melibatkan skop kerja menaik taraf jalan sedia ada sepanjang 11.4 kilometer dari Persimpangan Tol Chukai, LPT2 ke Jalan Persekutuan FT003 menggunakan piawaian JKR R5, pembinaan jambatan baru di Sungai Tempurung yang berukuran 14 meter lebar dan 25 meter panjang dengan piawaian R5, menaik taraf lima persimpangan utama sepanjang jajaran, pemasangan lampu isyarat baharu di persimpangan Jalan Pengkalan Binjai, menaik taraf lampu isyarat sedia ada di persimpangan T126, dan pemasangan lampu jalan jenis LED yang baharu di lima persimpangan utama sepanjang jajaran.

8. Selain itu, kerja menaik aras jalan lebih kurang 2 meter tinggi di lokasi-lokasi banjir dan pembinaan jambatan tebatan banjir berukuran 14 meter lebar dan 313 meter panjang menggunakan teknologi Jambatan Lengkung Pratuang (Precast Arch Structure) telah dilaksanakan dan keistimewaan jenis jambatan ini ia dapat mempercepatkan proses pembinaan dan mempunyai nilai estetika yang tinggi selain memastikan jalan ini dapat digunakan dengan selamat dan selesa.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Pada kesempatan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek ini sama ada agensi kerajaan mahupun swasta.

10. Akhir kata, dengan lafaz takzim saya merasmikan Penyerahan Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FT237 (Dari Exit Tol Chukai ke FT003).

Sekian, terima kasih, salam Malaysia MADANI.

-Tamat-